



2,667 belia Sabah hilang kerja tahun ini

KUALA LUMPUR: Seramai 2,667 orang di Sabah dilaporkan hilang pekerjaan dalam tempoh Januari hingga 5 November lalu.

Bagaimanapun, Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Awang Hashim, berkata pada masa sama terdapat penempatan semula pekerjaan membabitkan 5,071 orang.

Beliau berkata, berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia, kadar pengangguran golongan belia berumur bawah 24 tahun di Sabah ialah 17.3 peratus.

Katanya, kerajaan melaksanakan pelbagai program sebagai inisiatif bagi menyediakan peluang pekerjaan kepada orang ramai termasuk Karnival Kerjaya, Program Insentif Pengambilan Pekerja, Program Latihan Kemahiran Semula dan Peningkatan Kemahiran melalui penyedia latihan yang dilantik.

"Kerajaan sudah sediakan platfotm peluang pekerjaan di platform MyfutureJob yang perlu dimanfaatkan setiap pencari kerja terutama golongan belia," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, hari ini.

Beliau menjawab soalan Datuk Mohd Aziz Jamman (Warisan-Sepanggar) yang ingin mengetahui usaha dilakukan dan sama ada program latihan pekerjaan atau perantisan bagi peningkatan kemahiran (upskilling), latihan semula (reskilling) dan silang kemahiran (cross-skilling) di Sabah akan diperluas.

Mengulas Program Perantisan, Awang berkata, setakat ini daripada 44,843 siswazah yang terbabit di seluruh negara, seramai 1,228 adalah dari Sabah, manakala di bawah Sistem Latihan Dual Nasional diperkenalkan kerajaan membabitkan 70 peratus latihan industri dan 30 peratus latihan di pusat latihan, sebanyak 21 pusat latihan dan 109 syarikat di Sabah terbabit melaksanakannya. – BERNAMA

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/11/888528/2667-belia-sabah-hilang-kerja-tahun-ini>